

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk memohon Surat Kredit Nasihat. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am.)

SURAT KREDIT NASIHAT

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Surat Kredit Nasihat (Letter of Credit Advising atau LA) ialah perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank bagi memudahkan pemberian nasihat ke atas Surat Kredit yang dikeluarkan bagi pihak anda oleh bank wakilnya (Surat Kredit Bank Pengeluar) yang terletak di dalam atau di luar negara. Bank bertindak sebagai perantara, iaitu Bank Pemaklum, yang mempunyai peranan utama untuk mengesahkan Surat Kredit tersebut setelah menerimanya dari bank wakil mereka, sebelum memberi nasihat mengenai instrumen kepada anda, tanpa apa-apa lagi penglibatan di pihaknya.

2. Apakah ciri-ciri utama produk ini?

- Surat Kredit ini adalah tertakluk kepada Adat dan Amalan Seragam untuk Kredit Berdokumen, Terbitan 600 (UCP 600).
- Bank akan memastikan bahawa Surat Kredit yang anda terima ialah instrumen yang tulen.
- Anda juga boleh meminta Bank untuk menambahkan pengesahannya bagi Surat Kredit tersebut, jika diperlukan dan dibenarkan oleh instrumen tersebut. Surat Kredit yang disahkan melibatkan aku janji Bank (Bank Peraku), dan juga Bank Pengeluar, yang biasanya timbul akibat kebimbangan mengenai risiko berdaulat dan/atau risiko bayaran Bank Pengeluar. Walau bagaimanapun, Bank tidak bertanggungjawab untuk mengesahkan sebarang Surat Kredit, kecuali ia bersetuju untuk berbuat demikian dan selepas pembayaran fi pengesahannya.

3. Bagaimanakah cara untuk saya memohon produk ini?

Anda tidak perlu mempunyai apa-apa kemudahan yang diluluskan terlebih dahulu oleh Bank untuk menikmati perkhidmatan ini. Walau bagaimanapun, anda perlu menasihatkan Pembeli anda untuk meminta Bank beliau (Surat Kredit Bank Pengeluar) menghantar Surat Kredit kepada UOBM.

4. Apakah tanggungjawab saya?

Anda perlu memeriksa terma dan syarat yang ditetapkan dalam Surat Kredit setelah menerimanya dari Bank, terutamanya untuk memastikan ia menyatakan terma kontrak komersial anda dengan Pembeli dan ia dapat memenuhi keperluan dengan sewajarnya.

5. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat Surat Kredit, anda akan kehilangan aku janji pembayaran daripada Surat Kredit Bank Pengeluar dan Bank Peraku, jika ada.

6. What are the fees and charges I have to pay?

	<i>Jualan</i>	<i>Eksport</i>
Fi Memberi Nasihat	RM60.00	RM60.00
Fi Pengesahan	Dikira pada peratusan yang dipersetujui sebulan atau sebahagian daripadanya, disebut pads dasar setiap kes pada waktu pengesahan, dengan minimum RM200.00	Dikira pada peratusan yang dipersetujui sebulan atau sebahagian daripadanya, disebut pads dasar setiap kes pada waktu pengesahan, dengan minimum RM200.00
Caj Lain	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di www1.uob.com.my untuk butiran lanjut	

Nota: Bank boleh menyemak semula komisen, kadar faedah, fi dan caj dari semasa ke semasa pada budi bicara mutlakannya, tertakluk kepada Bank memberikan anda notis 21 hari terlebih dahulu.

7. Apakah risiko-risiko utama?

- Walaupun Surat Kredit memerlukan aku janji pembayaran dari Bank Pengeluar, bank tersebut mungkin tidak diketahui anda dan negara di mana yang terletak juga boleh menjadi suatu kebimbangan, contohnya, risiko politik atau pertukaran asing.
- Surat Kredit merupakan aku janji pembayaran bersyarat, oleh itu, anda perlu memastikan bahawa semua terma dan syaratnya dipatuhi dengan sewajarnya apabila anda keluarkannya terhadap instrumen

<p>8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat hubungan saya?</p> <p>Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda, sila maklumkan cawangan UOBM yang terdekat atau Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan atau hubungi Pengurus Perhubungan UOBM anda.</p>
<p>9. Where can I get assistance and redress?</p> <ul style="list-style-type: none">• Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121• Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Tel: 1-300-88-5465; Faks: 603 - 2174 1515; E-mel ke bnmtelelink@bnm.gov.my)
<p>10. Where can I get further information on the product?</p> <ul style="list-style-type: none">• Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk kami, sila kunjungi cawangan UOBM yang terdekat atau hantar e-mel ke businessbanking.servicecentre@uob.com.my atau log masuk ke www1.uob.com.my untuk maklumat lanjut.• Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan UOBM kami di Kuala Lumpur 603 - 2616 6800; Pulau Pinang 604 - 2626 800; Johor Bahru 607 - 2236 800; Kuching 082 - 236 820; Kota Kinabalu 088 - 246 820

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada September 2018 dan tertakluk kepada perubahan pada budi bicara Bank dari semasa ke semasa.

Kepada: UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (271809K)

Saya/Kami dengan ini mengakui penerimaan Helaian Pendedahan Produk di atas.

Penandatanganan yang Dibenarkan & Cop Syarikat
Tarikh: